



KERATAN AKHBAR
20 February 2016

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Operasi loji rawatan air ditutup sementara
Muka Surat	:	40

Operasi loji rawatan air ditutup sementara



Lori tangki Syabas membekalkan air kepada Rumah Amal Raudhatul Jannah, semalam.

SEPANG— Operasi Loji Rawatan Air Bukit Tampoi yang membekalkan air terawat ke beberapa kawasan di Kuala Langat dan Sepang terpaksa ditutup sementara sejak kelmarin, kerana pencemaran di Sungai Langat.

Berikutan itu, beberapa kawasan di daerah ini mengalami gangguan air, termasuk Kampung Olak Lempit; Selangor Dredging; Taman Changgang Jaya; Taman Arked; Taman Seri Dagang; RTB Bukit Changang; Bandar Mahkota; Taman Murnimas.

Turut terjejas, Kompleks Perabot Olak Lempik; Kampung Bukit Changgang; Kampung Labohan Dagang; Taman Topaz; Taman Ambar; Taman Langat Murni; Bandar Seri Ehsan; Taman Langat Utama; D'Menara dan Pusat Serenti selain Kampung Orang Asli Bangkong di Sepang.